



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**MAJLIS KONVOKESYEN
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

PADA

**14 NOVEMBER 2019 [KHAMIS]
BERSAMAAN 17 RABIUL'AWAL
1441 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

PICC PUTRAJAYA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

1. YANG TERAMAT MULIA DATO' SERI DIRAJA TAN SRI TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ BINTI AL-MARHUM SULTAN ABDUL HALIM, TUNKU TEMENGGONG KEDAH MERANGKAP PRO-CANSELOR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA;
2. YANG BERHORMAT TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU, MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA;
3. YANG BERHORMAT SENATOR LIEW CHIN TONG, TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA;
4. YANG BERBAHAGIA JENERAL TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HAJI ZULKIFLI BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA;
5. YANG BERBAHAGIA TAN SRI (DR) SYED AZMAN SYED IBRAHIM, Pengerusi LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI;
6. YANG BERBAHAGIA LEFTENAN JENERAL DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI JALAL, NAIB CANSELOR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA;
7. YANG BERBAHAGIA PRO-CANSELOR-PRO-CANSELOR DAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI,
8. PANGLIMA-PANGLIMA PERKHIDMATAN, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PERSEKUTUAN;
9. HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH. SAYA INGIN MENZAHIRKAN SETINGGI-TINGGI RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, KERANA DENGAN KEIZINAN-NYA, SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DAPAT BERANGKAT KE ISTIADAT PEMASYHURAN SAYA SEBAGAI CANSELOR DAN SETERUSNYA MENYEMPURNAKAN ISTIADAT KONVOKESYEN KE-10 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA.

PEMASYHURAN SAYA SEBAGAI CANSELOR KEPADA SEBUAH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI PERTAHANAN YANG UTAMA DI RANTAU INI, SUDAH TENTU AKAN DAPAT MEMBUKA RUANG KEPADA SAYA UNTUK MENABUR BAKTI DAN BERKONGSI FIKIRAN KHUSUS-NYA DALAM MELESTARI PENDIDIKAN YANG BERHUBUNG-KAIT DENGAN BIDANG PERTAHANAN DAN KESELAMATAN.

ISTIADAT KONVOKESYEN PADA PAGI INI MENYAKSIKAN PARA GRADUAN MENERIMA IJAZAH MASING-MASING SEBAGAI TANDA TAMAT-NYA PEMBELAJARAN YANG TELAH DIHARUNGI. JUSTERU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PARA GRADUAN, TENAGA PENGAJAR DAN PARA IBU BAPA DI ATAS KEJAYAAN YANG DIKECAPI PADA HARI INI.

IZINKAN SAYA TERLEBIH DAHULU UNTUK MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA 2 ORANG TOKOH YANG MENERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH. MEREKA IALAH, JENERAL TAN SRI (DR) YA'ACOB BIN MOHD ZAIN DAN JENERAL TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABDUL HAMID.

SAYA TURUT INGIN MENZAHIRKAN UCAPAN TAHNIAH KEPADA LAKSAMANA TAN SRI DATO' SETIA MOHD ANWAR BIN HAJI MOHD NOR, YANG TELAH DILANTIK SEBAGAI PRO-CANSELOR UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA.

SESUNGGUHNYA, ANUGERAH INI ADALAH MERUPAKAN PENGIKTIRAFAN KE ATAS SEGALA JASA DAN PENGORBANAN TOKOH-TOKOH INI KEPADA NEGARA DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

UNIVERSITI ADALAH MERUPAKAN SEBUAH GEDUNG ILMU TEMPAT TERLETAKNYA SATU AMANAH YANG TINGGI NILAINYA. UNIVERSITI PERLU MEMBERI JAMINAN AGAR TRADISI KEILMUAN SENTIASA KEKAL SUBUR DAN TURUT BERUPAYA MENCIPTA ILMU PENGETAHUAN BARU UNTUK DI-MANAFKAT OLEH SEKALIAN RAKYAT.

DALAM KONTEKS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA YANG MEMPUNYAI FALSAFAH UNTUK MENJADI SEBUAH UNIVERSITI PERTAHANAN PREMIER DI RANTAU INI, MAKA SUDAH TENTULAH PENGAJIAN DALAM BIDANG PERTAHANAN WAJAR DIJADIKAN SEBAGAI AGENDA UTAMANYA.

INI ADALAH BERSESUAIAN DENGAN OBJEKTIF UNIVERSITI INI UNTUK MENJADI PUSAT KECEMERLANGAN DALAM BIDANG TEKNOLOGI PERTAHANAN, HAL-EHWAL KETENTERAAN DAN PENGAJIAN KESELAMATAN.

DUNIA KINI BERHADAPAN DENGAN LANSKAP POLITIK, EKONOMI DAN STRATEGIK YANG SENTIASA BERUBAH MENGIKUT PEREDARAN MASA. OLEH YANG DEMIKIAN, TUMPUAN PENGAJIAN DI UNIVERSITI INI JUGA PERLU BERGERAK SEJAJAR DAN SEIRINGAN DENGAN PERUBAHAN DIMENSI KESELAMATAN SEJAGAT DAN PERSEKITARAN STRATEGIK.

DUNIA KINI SEDANG DILANDA ERA REVOLUSI INDUSTRI KE-4. INI BERMAKNA, TEKNOLOGI PERTAHANAN KETIKA INI ADALAH SANGAT JAUH BERBEZA BERBANDING KETIKA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DITUBUH-KAN HAMPIR 68 TAHUN YANG LALU.

KETIKA INI TELAH MUNCUL EKO-SISTEM BARU YANG BERUPAYA MENGUBAH STRUKTUR DAN KAEDAH PERTAHANAN SESEBUAH NEGARA. OLEH ITU; SEWAJAR-NYA PENGAJIAN DI UNVERSTI INI TURUT DIKEMBANG-KAN UNTUK MENCAKUPI BIDANG DIGITAL DAN AUTOMASI PERTAHANAN; SERTA SISTEM SIBER-FIZIKAL PERTAHANAN.

SELAIN ITU, UNIVERSITI INI HENDAKLAH BERUPAYA UNTUK MELAHIRKAN PEMIMPIN MASA HADAPAN YANG BOLEH BERBAKTI DALAM MENJAYAKAN KELANGSUNGAN KEPENTINGAN STRATEGIK NEGARA. PERKARA INI ADALAH MERUPAKAN GAGASAN TUJUAN DAN IMPIAN YANG INGIN DICAPAI OLEH PENGASAS UNIVERSITI INI.

PADA HEMAT SAYA, PEMIMPIN SEPERTI INI HANYA BOLEH DILAHIRKAN MENERUSI PENDIDIKAN ILMU DUNIA DAN AKHIRAT SERTA DITERAPKAN DENGAN NILAI-NILAI PATRIOTISME NASIONAL DAN PENGHAYATAN KEPADA IKRAR KERAMAT "RUKUN NEGARA." SELANJUTNYA, DISIPLIN DAN ETOS KETENTERAAN WAJAR DIBERIKAN PENEKANAN.

NATIJAHERNYA, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA HENDAKLAH MEMIKUL TANGGUNG JAWAB DALAM MELAHIRKAN PEMIMPIN MASA HADAPAN YANG BOLEH MENGGALAS AMANAH UNTUK MEMPERTAHAN KELANGSUNGAN KEPENTINGAN STRATEGIK NEGARA SEIRINGAN DENGAN PERUBAHAN LANSKAP DUNIA.

OLEH ITU, UNIVERSITI INI PERLU MENGAMBIL LANGKAH BERANI MELEBARKAN ALAM KEILMUAN DENGAN MENGORAK LANGKAH MENEROKAI PELBAGAI BIDANG YANG SEJAJAR DENGAN MISI, VISI DAN OBJEKTIF PENUBUHANNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG SEKALI LAGI INGIN MERAKAMKAN TAHNIAH KEPADA PARA GRADUAN YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN PADA HARI INI. SEMOGA SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN AKAN BERJAYA DALAM MENEMPUH HARI-HARI MENDATANG.

SAYA INGIN MENYERU KEPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA, ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN RAKAN INDUSTRI PERTAHANAN UNTUK TERUS MEMBERI SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI INI AGAR KELANGSUNGANNYA AKAN TERUS KEKAL MENJADI NADI UTAMA PENYUMBANG KE ARAH KEMAKMURAN DAN KEDAULATAN NEGARA.

MENGAKHIRI TITAH, SAMA-SAMALAH KITA BERDOA AGAR KEDAULATAN DAN KEMAKMURAN NEGARA AKAN TERUS TERPELIHARA DARIPADA SEBARANG ANCAMAN DAN MUSIBAH. SEMOGA NEGARA KITA MALAYSIA AKAN TERUS AMAN, MAKMUR DAN BERSATU-PADU.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته